

# 25 inovator terima anugerah

**Kuala Lumpur:** Dua puluh lima inovator dianugerahkan pelbagai anugerah inovasi utama ketika Malam Anugerah Inovasi WIF-KL yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini yang bertujuan mengiktiraf usaha mereka dalam memanfaatkan sains dan teknologi.

Majlis penyampaian itu sempena dengan penganjuran Forum Inovasi Dunia Kuala Lumpur (WIF-KL) 2012 yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dari 3 hingga 7 November lalu.

Menteri Sains, Teknologi dan Ino-

vasi, Datuk Seri Panglima Dr Maximus Ongkili menyampaikan anugerah itu kepada pemenang pada majlis yang dihadiri 1,800 peserta forum dari 50 negara.

Anugerah Inovasi WIF-KL adalah satu majlis penyampaian anugerah utama untuk mengiktiraf usaha inovatif dan kreatif para pengusaha, akar umbi, sekolah, universiti, belia, juru teknologi dan saintis, hanya untuk menamakan beberapa senarai sahaja.

Dr Ongkili berkata, majlis ini adalah yang pertama seumpamanya diadakan dengan gabungan 12 Anugerah Inovasi bertujuan memberikan pengiktirafan kepa-

da pencipta tempatan kita.

## Pengiktirafan produk baru

"Anugerah ini juga sebagai pengiktirafan untuk penjaan idea, inovasi, dan produk baru dengan memanfaatkan sains dan teknologi yang memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat.

"Pengiktirafan Kerajaan, bersama dengan pelbagai insentif untuk inventor, bertujuan meningkatkan keyakinan inventor kita menghasilkan produk inovatif dan menyumbang kepada kekayaan negara kita," katanya.

Antara kategori anugerah yang disampaikan ialah Anugerah Inovasi Negara, Anugerah Sainis Muda Negara, Anugerah Juru Teknologi Kebangsaan, Anugerah Tahunan Syarikat Informasi Sekuriti Paling Inovatif, Anugerah Tahunan Untuk Profesional Informasi Sekuriti Paling Inovatif, Anugerah Inovasi Bio, Anugerah Cipta dan Anugerah Inovator Akar Umbi.

Pemenang Anugerah Inovasi Kebangsaan masing-masing menerima RM50,000, trofi dan sijil (kategori produk dan perkhidmatan), RM20,000, trofi dan sijil (kategori akar umbi) dan RM10,000, trofi dan sijil (kategori sekolah).

Untuk Anugerah Sainis Muda Kebangsaan, pemenang menerima RM20,000, trofi dan sijil, manakala pemenang Anugerah Juru Teknologi Kebangsaan menerima RM10,000, trofi dan sijil.



Dr Ongkili, Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr Madinah Mohamed (tengah) bersama pencipta inovasi TAJ's 3D Scrabble, Sa'adatul Fariyah Mohd Tajudin.

**1. Anugerah Piala Cipta**

- **Universiti Inovasi:** ☉ Sistem Pengurusan Duit Siling oleh Universiti Utara Malaysia, Kedah
- **Sekolah:** ☉ SMK Raja Perempuan Ipoh, Perak

**2. Anugerah Inovator Akar Umbi Kebangsaan**

- **Kategori Terbuka Inovasi Gasing Plastik:** ☉ Mohd Jais bin Rozali (Jejak Inovasi Pahang)
- **Kategori Belia Inovasi Taj's 3D Scrabble:** ☉ Sa'datul Fariahah Mohd Tajudin (Jejak Inovasi Selangor)
- **Kategori Wanita Inovasi Baja/racun Organik:** ☉ Norizan Othman (Jejak Inovasi Pahang)

**3. Anugerah Inovasi Keluarga Kids Invent!**

- ☉ Kho Jin Jun dan keluarga (Terengganu)
- ☉ Fazila Asma Mat dan keluarga (Kedah)
- ☉ Chai Yew Yin dan keluarga (Selangor)

**4. Anugerah Inovasi Bio**

- **Inovasi Teknologi Bio Tahunan:** ☉ Projek Minyak Bio Kenaf sebagai minyak yang boleh dimakan dengan kandungan phytoesterol and antioxdotant yang tinggi oleh Prof Dr. Maznah Ismail (UPM)
- **Anugerah Paling Inovatif Projek:** ☉ Satu Kaedah Selamat, Murah dan Novel Untuk Pengesanan Formalin Menggunakan Sebatian Semulajadi oleh Prof Dr Wan Azlina Ahmad (UTM)
- **Inovasi Harapan Projek:** ☉ Navigator cacing tambang - Pengesanan Assay Rapid untuk Spesies cacing tambang manusia oleh Assoc Prof Dr. Chua Kek Heng (UM)
- **Inovator Bio Wanita Tahunan Projek:** ☉ Promolaktin: Penggalak Pengeluaran Susu Dengan Rumpai Laut oleh Prof Dr Suhaila Mohamed (UPM)

**5. Anugerah Tahunan Untuk Profesional Informasi Sekuriti Paling Inovatif**

- **Bahagian Permintaan:**
- ☉ Mohd Yassin Tahir, Ketua Pegawai Teknologi Tabung Haji
- **Bahagian Penawaran:**
- ☉ Shahrail Abdul Malik, Ketua Pegawai Teknologi, Scan Associates Berhad

**6. Anugerah Tahunan Untuk Syarikat Informasi Sekuriti Paling Inovatif**

- ☉ Bae Systems Stratsec

**7. Anugerah Perstij Mimos**

- ☉ Dr Mumtaz Begum Peer Mustafa (UM)
- ☉ Dr Shuzlina Abdul Rahman (UKM)
- ☉ Dr Mustafa Man (UTM)
- ☉ Dr Mohammad Hossin (UPM)

**8. Anugerah Juru Teknologi Kebangsaan**

- ☉ Razali Jalaluddin (Mardi)

**9. Anugerah Saintis Muda**

- ☉ Dr Huang Nay Ming (Universiti Malaya)

**10. Anugerah Inovasi Kebangsaan**

- **Produk:** Projek: Pengeluaran ulat steril *lucilia cuprina* untuk rawatan terapeutik luka-luka diabetik oleh Dr Nazni Wasi Ahmad, Unit Entomologi, Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur
- **Perkhidmatan Projek:** Rakit Penyelamat Ignis 09 oleh Jamaluddin Ismail, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
- **Akar Umbi Projek:** Mesin Penugal Tanaman Nanas oleh Sopa Yahya, Muar, Johor
- **Sekolah:** Projek: Sigai oleh Nur Humairaa Tazali, Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah, Kuala Kangsar, Perak